

KEDATANGAN ISLAM KE NUSANTARA DAN PENGARUHNYA TERHADAP BUDAYA ILMU

Oleh: Dr. Mohd. Muhiden Abd. Rahman , MA^[1]

Academy of Islamic Studies University of Malay

Abstrak: Islam bukan sahaja dilihat sebagai agama penggerak kepada pertumbuhan dan perkembangan ilmu pengetahuan, tetapi juga sebagai penzamanan dan pembentukan budaya sesebuah masyarakat. Tulisan ini akan menyelusuri sejarah kedatangan Islam ke Nusantara dan pengaruhnya terhadap budaya Melayu terutamanya dari aspek budaya keilmuan.

Kata Kunci: Islam, Nusantara, Budaya, Ilmu

Proses pengislamahan rantau Nusantara merupakan satu peristiwa sejarah yang begitu penting dan menarik bagi rantau ini. Justeru tidak hairanlah apabila persoalan ini berjaya menarik minat dan perhatian ramai ahli sejarah khususnya daripada barat seperti ahli sejarah Belanda, Inggeris dan Perancis. Tulisan ini akan menyelusuri peristiwa bersejarah ini sejak akhir abad kesembilan belas dan awal abad kedua puluh Masihi. Antara persoalan yang dikaji ialah dari mana agama Islam datang ke Nusantara, siapa yang mengembangkan dan sejak bila ia mula bertapak ?

Sejarah Ringkas Kedatangan Islam Ke Nusantara

Oleh kerana kajian ini boleh dikatakan masih diperengkat awal dan bahan-bahan serta sumber-sumber tempatan yang boleh dijadikan panduan bagi menangani persoalan ini agak sedikit, maka timbul berbagai pendapat tentang perkara tersebut khususnya mengenai tarikh kewujudan dan kemunculan Islam dalam Dunia Melayu.

Tidak ada kata sepakat di kalangan ahli sejarah tentang tarikh kedatangan Islam ke rantau Asia Tenggara atau lebih khususnya Nusantara atau Alam Melayu. Kebanyakan pengkaji barat atau

orientalis mengatakan abad kelima belas sebagai abad permulaan Islam bertapak di rantau ini, iaitu dengan tertubuhnya Kerajaan Melayu Melaka sekitar tahun 1403M. Namun pendapat ini jelas boleh mengelirukan. Ini kerana bukti-bukti sejarah menunjukkan Islam mula bertapak dan berkembang di alam Melayu lebih awal daripada itu, iaitu sekitar abad ketiga belas Masihi. Antara bukti-bukti yang ditemui ialah penemuan batu nisan bertarikh 1297M di Makam Sultan Malik al-Salih raja Islam pertama memerintah Pasai di Sumatera. Ini menunjukkan bahawa Islam telah tersebar di pantai barat Sumatera sejak abad ketiga belas Masihi lagi. Ini disokong dengan catatan Marco Polo seorang pengembara Itali yang terkenal, bahawa pada tahun 1292M sebuah negeri di Timur Laut Sumatera yang dikenali sebagai Perlak telah menganut Islam. Catatan ini dibuat ketika beliau singgah di Sumatera selama lima bulan dalam perjalannya pulang ke Eropah dari Cina. Bukti lain ialah penemuan batu bersurat di Terengganu yang bertarikh 1303 M. Batu bersurat yang tertulis dalam bahasa Melayu itu menunjukkan bahawa undang-undang Islam telah mula dilaksanakan di Terengganu pada masa itu.^[2]

Walaupun Islam telah dianuti oleh sebahagian masyarakat Nusantara dewasa itu, namun ia belum lagi tersebar dengan meluas ke seluruh pelusuk Nusantara sehingga tertubuhnya kerajaan Melaka pada tahun 1403. Bahkan mengikut kajian pada abad keenam belas boleh dikatakan hampir seluruh Kepulauan Melayu telah menganut agama Islam. Hasil daripada usaha dakwah dan gerakan Islam, maka muncul beberapa kerajaan Islam yang kuat di Alam Melayu seperti Kerajaan Islam Perlak^[3], Kerajaan Islam Samudra-Pasai^[4], Kerajaan Melayu Melaka^[5], Kesultanan Acheh^[6], Kerajaan Islam Johor-Riau^[7], Kerajaan Islam Pattani^[8] dan lain-lain.^[9]

Walaupun terdapat pendapat yang mengatakan Islam telah mula wujud di alam Melayu sebelum abad ketiga belas Masihi lagi, iaitu bermula dari wujudnya hubungan Dunia Melayu dengan Tanah Arab melalui pedagang-pedagang Arab sejak zaman Rasulullah s.a.w.,^[10] namun berdasarkan kepada bukti-bukti sejarah menunjukkan bahawa agama Islam telah mula bertapak dan berkembang di alam Melayu sekitar abad ketiga belas, iaitu pada zaman kerajaan Samudra-Pasai. Begitu juga dengan alasan bahawa kalau sekiranya Islam telah mula bertapak ke alam Melayu sejak zaman Rasulullah s.a.w. sudah pasti Islam yang dianuti oleh masyarakat Melayu adalah Islam yang tulen

dan murni dari segala bentuk pencemaran pemikiran tasawuf dan falsafah. Sebaliknya Islam yang tulen dan bersih dari segala bentuk pencemaran ini tidak wujud di alam Melayu yang sekaligus membuktikan bahawa pendapat ini adalah tidak tepat. Pendapat yang hampir tepat ialah Islam mula bertapak di Alam Melayu pada abad ketiga belas Masihi. Perkembangan ini mencapai kemuncaknya pada abad kelima belas dengan tertubuhnya Kerajaan Melayu Melaka dan seterusnya merebak ke Acheh pada abad keenam belas dan pusat-pusat kerajaan Islam selepasnya. Berdasar kepada fakta-fakta ini, sebahagian sarjana membahagikan kerajaan Islam di Nusantara kepada tiga zaman, iaitu:

- i- Zaman Samudra-Pasai (1292-1409)
- ii- Zaman Melaka (1409-1511)
- iii- Zaman Acheh (1511-1650)^[11]

Kedatangan dan perkembangan Islam ke alam Melayu inilah yang telah mencetus tradisi tulisan, khususnya tulisan dalam bidang agama. Sekalipun telah wujud tradisi tulisan sebelum kedatangan Islam ke alam Melayu, namun ia banyak dipengaruhi oleh budaya Hindu. Ini kerana hubungan dunia Melayu dengan India dikatakan telah wujud sejak tahun-tahun pertama Masihi lagi. Dengan demikian kedudukan penulisan atau sastera Melayu sebelum kedatangan Islam tidak menempuh sejarah yang menarik kalau dibandingkan dengan sastera Melayu pada zaman Islam.^[12]

Apabila Islam mula bertapak dan berkembang di alam Melayu sekitar abad ketiga belas Masihi hingga mencapai kemuncaknya pada abad keenam belas Masihi suatu bentuk revolusi budaya khususnya dalam konteks kesusateraan Melayu telah berlaku. Sastera Melayu mula menjadi penting dan menarik setelah kedatangan Islam dan ia mempunyai kaitan yang rapat dengan aktiviti orang-orang Melayu yang telah memeluk agama Islam ketika itu. Malah kedatangan Islam ke rantau ini telah memberi impak yang besar terhadap perkembangan intelektualisme di kalangan orang-orang Melayu. Islam telah memperkenalkan berbagai-bagai disiplin keilmuan kepada orang Melayu seperti teologi, falsafah, mistik, logik, perundangan dan sebagainya.^[13]

Penganut Islam terutamanya dari kalangan ulama telah menunjukkan satu sikap yang positif dan aktif dengan mengambil inisiatif dalam usaha mereka menyebar dan mengembang agama

Islam. Usaha-usaha dakwah Islamiah pada zaman permulaannya lebih banyak menggunakan hasil-hasil sastera yang sedia ada dan digemari oleh masyarakat. Dengan keistimewaan yang ada pada para ulama, iaitu sebagai ahli dalam bidang agama mereka juga merupakan penulis dalam sastera Melayu. Tradisi seperti ini berterusan sehingga ke beberapa abad termasuk zaman Syeikh Nuruddin al-Raniri. Selain dari mengubah suai karya-karya sastera yang sedia ada, mereka juga menghasilkan karya-karya sastera baru untuk dijadikan alat dan bahan dakwah seperti *Hikayat Nur Muhammad*, *Hikayat Nabi Wafat*, *Hikayat Ali Hanafiah* dan lain-lain. Penulisan atau sastera Melayu ini menjadi semakin penting dan melibatkan pemikiran Islam secara serius di akhir abad keenam belas hingga abad ketujuh belas Masihi. Ini berikutnya tertubuhnya beberapa institusi pendidikan di beberapa tempat di Kepulauan Melayu untuk mengkaji pelbagai ilmu. Melalui institusi-institusi ini lahirlah pengkaji-pengkaji dan penulis-penulis Melayu. Mereka mula menulis dan menterjemah kitab-kitab agama Islam dan beberapa bentuk kesusateraan yang lain.^[14]

Bahasa Melayu yang sebelum kedatangan Islam digunakan secara terhad sebagai *lingua franca* dalam perdagangan telah diangkat tarafnya menjadi bahasa utama dan bahasa ilmu di Asia Tenggara bukan sahaja kepada masyarakat Melayu, malahan kepada seluruh masyarakat Nusantara. Boleh dikatakan seluruh bidang ilmu pengetahuan terutama yang berbentuk keagamaan telah ditulis dan tersebar dalam bahasa Melayu ke seluruh Nusantara. Ia menunjukkan bahasa Melayu telah dijadikan sebagai bahasa standard melalui penggunaannya dalam kitab-kitab agama. Malah penulisan yang paling awal sekali dilakukan dalam bahasa Melayu adalah berbentuk kitab-kitab agama atau risalah-risalah agama. Ini terbukti melalui kitab-kitab lama yang dihasilkan pada zaman bahasa Melayu klasik. Kebanyakan kitab tersebut ditulis dalam bahasa Melayu sekalipun pengarangnya mempunyai bahasa ibundanya sendiri. Sebagai contoh apa yang dilakukan oleh al-Raniri yang berasal dari Gujarat, India yang banyak menghasilkan karyanya dalam bahasa Melayu. Begitu juga dengan Syeikh Shamsuddin al-Sumaterani dari Barus, Syeikh Abdul Samad al-Palimbani dari Palembang, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dari Kalimantan dan lain-lain.^[15]

Pengaruh Islam Terhadap Budaya Melayu

Kedatangan Islam yang dianggap sebagai agama baru telah berjaya mempengaruhi kebudayaan Melayu. Antara unsur Islam yang masuk ke dalam kebudayaan Melayu ialah bahasa dan tulisannya. Banyak perkataan Arab yang dimasukkan dan digunakan dalam bahasa Melayu seperti *kitab*, *kalam*, *nabi*, *sejadah*, *selamat*, *rasuah*, *kertas*, *qalam* dan lain-lain. Bahkan dengan kedatangan Islam, bahasa Melayu telah mengalami perubahan yang radikal dan ia menjadi satu bahasa yang kaya dengan istilah-istilah baru. Begitu juga pengaruh Islam dalam tulisan. Penggunaan tulisan pengaruh India atau rencong sudah tidak praktis lagi dalam suasana yang baru ini. Dengan itu, tulisan Arab telah diserap dan digunakan dalam bahasa Melayu. Segala askara-askara *India*, *Pallava* dan *Kawi* yang digunakan dalam bahasa Melayu purba secara terhad sebelum itu telah diganti dengan huruf Arab yang kemudiannya dikenali sebagai tulisan jawi.

Perkataan *jawi* ini mungkin digunakan kerana ia mempunyai hubung kait dengan panggilan *jawi* atau *jawah* yang digunakan oleh orang-orang Arab terhadap bangsa Melayu atau Indonesia dari dahulu sehingga sekarang. Ia merupakan kata sifat yang membawa erti *orang jawa* atau orang yang berasal dari tanah jawa. Buktinya Ibnu Batutah dalam bukunya *al-Rihlah* menggelar nama Sumatera sebagai *al-Jawah*. Namun demikian perkataan *jawa* merujuk kepada bangsa dan kaum yang menjadi peribumi di Asia Tenggara bukan hanya kepada orang jawa sahaja, iaitu penduduk yang berasal dari pulau Jawa. Oleh kerana itu kebanyakan ulama yang berasal dari Asia Tenggara sering menggunakan nama *al-Jawi* sebagai laqab pada hujung nama mereka sekalipun mereka terdiri dari suku bangsa yang berlainan seperti Syeikh Daud al-Fatani al-Jawi, Syeikh Abdul Samad al-Falimbani al-Jawi dan lain-lain.^[16]

Huruf jawi diperkenalkan oleh para pendakwah Islam bukan sahaja untuk membolehkan membaca al-Qur'an, tetapi juga untuk menelaah berbagai jenis kitab dalam pelbagai disiplin ilmu. Pada peringkat awalnya huruf jawi ini digunakan untuk mengkaji kitab-kitab agama, menyalin, mengarang atau memberi ulasan kepada pengajaran agama oleh ulama tempatan. Dalam proses penulisan itu beberapa huruf lain khususnya daripada Parsi ditambahkan seperti *ca*, *nga*, *ga* dan *nya*. Ia bertujuan menyesuaikan dengan bunyi bahasa Melayu. Akhirnya

‘tulisan jawi’ dianggap sebagai hak dan identiti bangsa mereka yang perlu dipertahankan. Istilah tulisan jawi hanya dikenali di Malaysia , Singapura , Thailand Selatan dan Brunei Darussalam. Sementara di Indonesia ia lebih dikenali dengan istilah ‘tulisan Melayu huruf Arab’^[17] atau kalau di Jawa lebih dikenali dengan ‘bahasa jawi’, iaitu rangkuman dari bahasa Melayu dan tulisan jawi.^[18]

Tulisan jawi mengandungi 29 huruf ini termasuk beberapa huruf baru yang direka dicipta bagi menyesuaikannya dengan bahasa Melayu, iaitu (ca), (nga), (fa), (ga) dan (nya). Ia dikatakan mula berkembang di Nusantara sekitar abad kelapan hingga abad kesepuluh Masihi. Hal ini terbukti dengan penemuan batu nisan yang tertulis dalam tulisan Arab di Sumatera bertarikh 55 H (674 M) dan di Kedah bertarikh 290 H (909M). Begitu juga dengan penemuan inskripsi Terengganu bertarikh 702H (1303M). Ini jelas menunjukkan bahawa tulisan jawi yang berasal daripada orang Arab itu, kemudiannya telah disesuaikan dengan gaya bahasa Melayu di rantau ini. Sejak itu penggunaan tulisan jawi terus berkembang hingga ke hari ini^[19]. Namun walaupun tulisan jawi telah lama dipelajari oleh bangsa Melayu, tetapi tidak ada kajian khusus yang dilakukan kecuali pada zaman terakhir ini. Antara mereka yang membuat kajian khusus mengenai tulisan jawi ialah Pendita Za`ba. Beliau telah membuat kajian yang mendalam mengenai tulisan jawi sehingga berjaya menyusun satu pedoman ejaan jawi. Selain itu, pengkaji daripada barat adalah paling ramai. Antaranya ialah Shellabear, William Marsden, Winstedt dan lain-lain. Walaupun mereka melakukan kajian tersebut kerana mempunyai kepentingan tertentu tetapi yang penting ialah untuk mengetahui bahasa Melayu dan hasil karyanya.^[20]

Penggunaan tulisan jawi tidak hanya terbatas kepada orang-orang Melayu untuk bahasa Melayunya sahaja, tetapi juga digunakan oleh suku bangsa Melayu yang lain seperti Campa di Indo-China, Pattani di Selatan Thailand, Jawa, Banjar, Bugis, Aceh, Minangkabau, Bengkulu, Maluku, Riau, Sulawesi, Kalimantan, Betawi dan lain-lain. Begitu juga penggunaannya amat meluas hingga meliputi berbagai jenis lapangan dan kegiatan penulisan. Ini termasuk dalam bidang kesenian seperti seni khat yang digunakan untuk menghiasi mihrab, dinding masjid, batu nisan dan sebagainya. Ia juga digunakan dalam surat menyurat seperti surat kiriman, surat perjanjian, catatan pemilikan, surat khabar dan majalah. Namun demikian penggunaan tulisan jawi dalam kitab dan

buku merupakan yang paling banyak sekali sama ada dalam bentuk manuskrip atau cap batu. Malah tulisan jawi boleh dikatakan sebagai pencetus kepada berkembangnya tradisi persuratan Melayu yang meliputi pelbagai genre dan bidang khususnya bidang agama yang dikenali dengan sastera kitab. Begitu juga dengan sastera-sastera yang lain seperti sastera rakyat, sastera hikayat, sastera epik, undang-undang dan ketatanegaraan dan lain-lain. Begitu besar sekali peranan tulisan jawi dalam merakam dan mengabadikan khazanah keintelektualan umat Melayu selama beberapa abad. Malah jumlah manuskrip Melayu bertulisan jawi pada masa ini mencapai angka 15,000 buah. Ia berada dalam simpanan di pelbagai perpustakaan di beberapa buah negara di dunia. Lebih dari 28 buah negara di dunia ini yang meliputi nagara-negara Eropah dan Asia ada menyimpan manuskrip Melayu. Antaranya ialah Amerika Syarikat, Australia, Belanda, Britain, Denmark, Jerman, Perancis, Itali, Sepanyol, Switzerland, Sweden, Indonesia, Brunei, Malaysia, Thailand, Singapura, Sri Lanka dan lain-lain.^[21]

Ada pendapat yang mengatakan bahawa penulisan kitab-kitab atau manuskrip-manuskrip Melayu sudah berkembang dengan pesatnya pada abad kelima belas Masihi dan sampai ke kemuncaknya pada abad ketujuh belas Masihi. Ini disebabkan pada abad ketujuh belas pencapaian ilmu Islam di Nusantara yang pada ketika itu berpusat di Aceh telah mencapai zaman kegemilangannya. Hal ini diakui oleh para pengkaji manuskrip Melayu samada dari barat maupun dari timur.^[22]

Tulisan-tulisan ini mencakupi pelbagai bidang dan disiplin ilmu termasuk kesusasteraan dan bahasa, agama, falsafah, sejarah, ketatanegaraan, perubatan, undang-undang, surat-surat perjanjian dan sebagainya. Bidang agama pula meliputi semua aspek yang berkaitan dengan agama seperti fikah, tafsir, hadith, tasawuf, sejarah Islam dan lain-lain. Dengan lain perkataan penghasilan karya-karya dalam bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada tiga bidang utama, iaitu agama, sejarah, bahasa dan sastera. Daripada ketiga-tiga bidang itu didapati yang lebih dominan ialah bidang agama. Ini selaras dengan faktor pendorong utama kepada penulisan dan kelahiran naskhah-naskhah Melayu ialah faktor agama yang bertujuan untuk menyebar dan mengembang agama Islam di Nusantara. Malah tulisan jawi itu sendiri dikatakan mempunyai hubungan yang rapat dengan agama. Justeru itu

kejahilan mengenai tulisan jawi boleh membawa kepada kejahilan mengenai agama. Walaupun bidang agama amat luas yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia, namun begitu dalam tradisi ilmu-ilmu Islam di Nusantara ia boleh dikatakan terbatas kepada tiga aspek sahaja, iaitu aspek tauhid atau ilmu kalam, fikah dan tasawuf.^[23] Manakala dalam aspek lain seperti tafsir, hadith, dan lain-lain amat jarang sekali diberi perhatian oleh ulama Nusantara. Ini kemungkinan berdasar kepada keperluan semasa, iaitu umat Islam Nusantara diperingkat awal kedatangan Islam atau zaman Samudra-Pasai dan Melaka ketika itu lebih memerlukan kepada pengetahuan tentang dasar Islam, iaitu aqidah. Kemudian diikuti oleh pengetahuan tentang ibadah atau fikah kerana Islam bagi mereka terlalu baru. Justeru itu, mereka perlu memahami persoalan dasar atau akidah terlebih dahulu berbanding dengan soal-soal lain. Tambahan pula persoalan akidah menjadi isu dan perbahasan hangat antara ulama Nusantara ketika itu khususnya sekitar abad keenam belas dan tujuh belas Masihi. Begitu juga dengan persoalan fikah yang rata-rata umat Islam ketika itu jahil mengenainya, maka mereka perlu kepada kitab-kitab yang boleh menjadi rujukan mereka dalam soal ibadah. Sementara ilmu tasawuf pula boleh dikatakan pelengkap kepada ajaran Islam yang lebih menumpukan kepada persoalan kerohanian dan akhlak. Malah ia dianggap sebagai kemuncak kepada ajaran Islam. Tidak hairanlah apabila ilmu tasawuf menjadi ilmu yang paling popular di kalangan ulama Nusantara dan karya yang paling banyak sekali dihasilkan ialah mengenai ilmu tasawuf. Ini berkemungkinan juga disebabkan para pendakwah Islam samada dari India atau Arab kebanyakannya terdiri dari ulama sufi. Kelahiran karya-karya yang pelbagai dan berbentuk ilmiah ini boleh dikatakan bermula pada zaman Acheh.^[24]

Oleh kerana itu kebanyakan naskhah-naskhah Melayu yang dihasilkan oleh ulama Nusantara berada di Indonesia terutamanya naskhah Melayu Islam, iaitu naskhah Melayu tulisan jawi yang ditulis dalam bidang agama. Ini termasuk naskhah Arab yang mempunyai terjemahan Melayu di bawah teks Arab. Daerah yang paling banyak sekali menghasilkan naskhah-naskhah Melayu ini ialah daerah Acheh. Walaupun terdapat naskhah-naskhah Melayu telah dibawa ke Eropah akibat penjajahan, namun masih banyak yang masih tersimpan dan ada juga yang dikembalikan semula ke Acheh. Naskhah-naskhah tersebut

tersimpan sama ada di perpustakaan umum, perpustakaan individu ataupun di muzium. Justeru itu, Acheh boleh dianggap sebagai gedung atau khazanah terbesar bagi naskhah-naskhah Melayu Islam. Ini mungkin disebabkan aktiviti penulisan karya-karya agama di Nusantara hanya bermula secara aktif dan meluas di Acheh pada abad ketujuh belas Masihi. Malah Acheh ketika itu terkenal sebagai pusat ilmu pengetahuan sehingga mendapat jolokan ‘Serambi Mekah’. Kemudian ia merebak ke seluruh negeri di Nusantara.

Selain dari Acheh, daerah-daerah lain di Indonesia yang terdapat naskhah-naskhah Melayu ialah di Padang , Sumatera, Riau, Pontianak , Banjarmasin dan Jakarta . Sementara di Malaysia kebanyakannya naskhah-naskhah Melayu hanya terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia selain dari naskhah yang disimpan oleh individu. Begitu juga di Pattani, Singapura dan Brunei . Naskhah Melayu tertua yang dapat dikesan setakat ini ialah kitab *Aqa'id al-Nasafi* oleh Abu Hafs `Umar Najm al-Din al-Nasafi yang disyarahkan oleh Sa`d al-Din al-Taftazani (m. 719H/1389M) Kitab tersebut yang bertarikh 998H bersamaan 1590M ditemui oleh Syed Muhammad Naguib al-`Attas.^[25] Namun ada juga yang mengatakan bahawa terdapat beberapa lagi naskhah Melayu yang tertulis sebelum daripada itu. Salah satu daripada naskhah itu ialah kitab yang berjudul *Bahr al-Lahut* yang dikarang oleh seorang yang bernama Abdullah Arif. Naskhah ini ditemui dalam koleksi keagamaan yang tersimpan di Perpustakaan Kuno Zauyah Tengku Chiek di Banda Acheh, Indonesia . Kitab ini yang merupakan terjemahan daripada teks berbahasa Arab dikatakan telah dikarang pada abad kedua belas Masihi lagi. Begitu juga dengan kitab *Umm al-Barahim* yang dikarang oleh *al-Sanusi* pada abad kelima belas, iaitu tahun 1490.^[26]

Selain dari peranan agama Islam itu sendiri, peranan pemerintah atau raja-raja Melayu yang menguasai pusat-pusat pemerintahan kerajaan Melayu yang muncul sebagai kuasa politik dan budaya di Nusantara juga telah menyemarakkan lagi perkembangan penghasilan karya-karya Islam. Antara pusat-pusat kerajaan terpenting ialah Kesultanan Melaka pada abad kelima belas dan enam belas Masihi, Kesultanan Acheh pada abad tujuh belas Masihi, Riau-Lingga pada abad kelapan belas Masihi. Begitu juga Kelantan dan Pattani selepasnya. Peranan kerajaan Melayu Melaka sebagai pusat perkembangan Islam memang tidak dapat dinafikan. Namun dalam

konteks perkembangan penulisan naskhah-naskhah Melayu agak kurang terserlah. Justeru itu naskhah-naskhah Melayu yang terawal hanya ditemui bertarikh sekitar tahun 1600M, iaitu selepas kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka di tangan Portugis.^[27]

Selepas kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511H, pusat kerajaan dan perniagaan telah berpindah ke Aceh. Hal ini berlaku kerana saudagar-saudagar Islam di Melaka yang masih menguasai perniagaan rempah telah datang bertumpu ke Aceh. Ini menyebabkan Aceh semakin pesat membangun dan kerajaan Aceh telah meluaskan jajahan takluknya dengan menakluk Pasai pada tahun 1524M dan Johor pada tahun 1613M. Beberapa ulama Johor turut sama ditawan dan dibawa ke Aceh termasuk Bendaharanya, iaitu Tun Seri Lanang^[28]. Berikutan itu Aceh menjadi satu-satunya pusat perniagaan, politik dan juga pusat perkembangan Islam di Nusantara dan ia mencapai puncak zaman kegemilangannya pada abad ketujuh belas Masihi terutamanya di zaman pemerintahan raja Aceh yang terkenal, iaitu Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636M) dan menantunya Iskandar Thani (1636-1641M). Hasil dari galakan kedua pemerintah ini Aceh bukan sahaja terkenal sebagai pusat penyebaran Islam, tetapi juga sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan. Para cendekiawan digalakkan tinggal atau menetap di Aceh untuk menyebar ilmu pengetahuan mereka kepada rakyat Aceh. Malah para pelajar juga digalakkan melanjutkan pelajaran mereka ke Mekah, Mesir dan India . Begitu juga dengan pertumbuhan pusat-pusat pengajian yang dibina oleh kerajaan telah menyemarakkan lagi kegiatan ilmiah. Hasil dari perkembangan ini bukan sahaja berjaya melahirkan ulama yang menghasilkan pelbagai jenis karya yang meliputi ilmu tasawuf, fikih dan akidah, malah telah menarik perhatian para cendekiawan dari tempat-tempat lain di Nusantara dan juga dari India dan Asia Barat seperti dari Mekah dan sebagainya. Ini termasuk Syeikh Abdul Khayr anak kepada Syeikh Ibn Hajar al-Haithami dari Mekah, Syeikh Muhammad dari Yaman, Syeikh Nuruddin al-Raniri dari India, Shamsuddin al-Sumaterani, Hamzah Fansuri, Bukhari al-Jauhari pengarang kitab *Tajus Salatin* (Mahkota Segala Raja-Raja) dan lain-lain.^[29]

Selepas Aceh, sebuah lagi pusat perkembangan Islam muncul pada abad kesembilan belas Masihi, iaitu kerajaan Melayu Riau-Lingga. Pada zaman tersebut bahasa Melayu telah mencapai kedudukan yang

cukup mantap sebagai bahasa ilmu untuk semua bidang. Pertumbuhan institusi-institusi pendidikan dan sekolah-sekolah di zaman tersebut menambahkan lagi kegiatan ilmiah seterusnya memperkayakan lagi khazanah ilmu dengan karya-karya yang lebih mantap.

Selain dari Kerajaan Aceh dan Riau-Lingga, kerajaan Pattani yang telah wujud sejak abad kelima belas Masihi lagi juga memain peranan utama dalam menyebar agama Islam sekaligus menambahkan lagi pusat perkembangan ilmu di Nusantara. Pusat-pusat pengajian Islam yang dikenali sebagai pondok telah didirikan di beberapa daerah di Pattani. Melalui pusat-pusat tersebut lahirlah beberapa tokoh ulama Pattani yang telah memberi sumbangan yang besar dalam dunia penulisan kitab. Antara tokoh ulama Pattani yang terkemuka ialah Syeikh Daud Abdullah al-Fatani (m. 1879M) yang lahir di Gresik, Pattani dan mendapat pendidikan di Mekah. Beliau berjaya menghasilkan lebih daripada 30 buah karya-karya yang meliputi pelbagai disiplin ilmu Islam. Seorang lagi tokoh ulama dan penulis terkemuka Pattani ialah Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani juga berasal dari Pattani dan mendapat pendidikan di Mekah. Beliau terkenal dengan karya-karyanya dalam bidang ilmu fikah dan usuludin yang menjadi rujukan di pusat-pusat pengajian Islam di Malaysia dan juga Indonesia.^[30]

Di samping Pattani, Kelantan juga turut memain peranan sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan Islam. Malah Kelantan juga berjaya melahirkan beberapa tokoh-tokoh ulama yang berjaya menghasilkan beberapa karya-karya Islam. Mereka kebanyakannya mendapat pendidikan dari Pattani dan Timur Tengah terutamanya Mekah. Antaranya ialah Haji Wan Ali Kutan yang terkenal dalam bidang tasawuf, usuludin dan fikah. Beliau berjaya menghasilkan beberapa buah kitab seperti kitab *Jawhar al-Mawhub*, *Lam`at al-'Awrad* dan lain-lain. Begitu juga dengan Tuan Haji Abdul Samad b. Muhammad Salleh yang lebih dikenali dengan nama Tuan Tabal. Beliau banyak menghasilkan karya-karya tasawuf seperti kitab *Jala' al-Qulub*, *Bidayat al-Ta'lîm* dan lain-lain.^[31]

Penutup

Dari pembentangan di atas terbukti kedatangan Islam ke Nusantara memberi impak yang begitu besar kepada dunia ilmu. Ia

bukan sahaja berjaya melahirkan tokoh-tkoh ilmuhan dan cendiakawan Muslim, tetapi juga berjaya melahirkan karya-karya agung dalam semua bidang seperti tauhid, fikah, tasawuf, tafsir, hadith dan lain-lain.

